

JAWAPAN CONTOH

Soalan 1

Komputer telah mempengaruhi kehidupan manusia. Penggunaan komputer telah menjadikan kehidupan manusia lebih sempurna. Hal ini dikatakan demikian kerana komputer dapat mempercepat, mempermudah, dan menjimatkan masa serta tenaga. Komputer sememangnya mempunyai banyak peranan dalam kehidupan manusia pada masa kini.

Dalam bidang pendidikan, penggunaan komputer dapat membantu kita meningkatkan proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Kini, hampir semua sekolah menggunakan komputer dan perisian pendidikan untuk pengajaran. Perisian komputer digunakan secara meluas dalam pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik. Penggunaan komputer sebagai alat bantu mengajar kini semakin kerap digunakan.

Bidang pentadbiran dan pengurusan perniagaan dapat menikmati pelbagai faedah yang disediakan melalui komputer juga. Komputer bukan sekadar menggantikan peranan mesin taip tetapi digunakan dalam penyimpanan dan pemprosesan data penting perniagaan. Selain itu, komputer dapat berhubung dengan orang yang jauh. Melalui sidang video para pengusaha syarikat-syarikat perniagaan dapat berbincang dan bermesyuarat tanpa perlu berjumpa secara berdepan dengan wakil syarikat tersebut. Jelaslah bahawa komputer dapat membantu urusan pentadbiran dan perniagaan berjalan dengan lancarnya.

Selain itu, komputer memberikan pelbagai maklumat kepada pengguna yang melayari Internet. Jika dahulu maklumat yang ingin disampaikan mengambil masa beberapa hari, namun kini dengan kecanggihan teknologi maklumat, penyebaran maklumat dapat dilakukan dalam masa yang pantas. Malahan maklumat yang diperoleh tanpa batasan juga. Kita dapat mengetahui perkara yang berlaku di dalam negara dan di luar negara dengan cepatnya.

Kesimpulannya, komputer banyak memberikan faedah kepada kehidupan manusia. Sebagai alat teknologi yang sentiasa berubah, ilmu tentang bidang komputer perlu dikuasai agar kita tidak ketinggalan dalam bidang ini dan mampu berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan negara-negara maju yang lain.